

# Pelajar diancam buli siber

BT 05/05/08 Pg. 17

## Kementerian bimbang penyalahgunaan internet, SMS ganggu emosi

Oleh Wan Faizal Ismayatim

**K**OTA BHARU: Kementerian Pelajaran mendapati gejala buli siber semakin menular di kalangan pelajar di negara ini, sehingga menimbulkan kebimbangan masalah itu akan mengganggu emosi mangsa.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail, berkata pihaknya mengesas semakin ramai pelajar menyebarkan cerita buruk mengenai rakan sekolah mereka, menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel dan laman web di internet sehingga menyebabkan ramai mangsa mengalami kemurungan.

"Masalah disiplin pelajar semakin kompleks berikutkan kecanggihan teknologi sehingga menyebabkan buli siber kini menjadi ancaman terbaru yang perlu ditangani Kementerian Pelajaran, selain isu disiplin lain di sekolah.

"Buli siber masih dianggap baru pada kita, tetapi ia sudah lama ber-

laku di Barat, sehingga ada kes pelajar bunuh diri kerana terlalu ter tekak dan malu untuk berdepan kawan-kawan. Kita tidak mahu ia terjadi di sini dan sebab itu kita perlu membendung gejala ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Wacana Ilmu Keguruan Institut Perguruan

Kota Bharu (IPKB), di sini, semalam. Hadir sama, Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran, Datin Asaariah Mior Shaharuddin; Pengarah Pelajaran negeri, Ismail Md Noor dan Pengarah IPKB, Salehuddin Abd Wahab.

Bagi menangani isu itu, Razali berkata, pihaknya akan menjalankan

kerjasama dengan universiti tempatan yang mempunyai kepakaran ICT bagi mengesan dan membendung kegiatan itu daripada terus berleluasa.

Buat permulaan, katanya, Kementerian Pelajaran akan mengadakan persefahaman dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi mencari kaedah terbaik dan berkongsi maklumat bagi menangani gejala buli siber di kalangan pelajar.

"Pelajar pada masa kini mudah mengakses kemudahan ICT terutama internet dan SMS, jadi kita minta ibu bapa membantu menangani masalah ini dengan mendekati serta mengambil tahu dan mengawal tingkah laku anak masing-masing," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, 50 peratus daripada 320 perancangan yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) sudah dilaksanakan sepenuhnya sejak pelan lima tahun sehingga 2010, dilancarkan, dua tahun lalu.

Beliau berkata, kebanyakan perancangan yang sudah dilaksanakan itu

membabitkan pembangunan infrastruktur, khususnya dalam merapatkan jurang pendidikan sekolah bandar dan luar bandar.

"Perkara paling sukar dihadapi ialah meningkatkan pembangunan sahsiah diri pelajar, sebab itu kita kini menyediakan latihan secara bersepudu kepada guru bagi menangani isu ini yang saya percaya dapat diselesaikan mengikut perancangan pada 2010," katanya.

Mengenai desakan supaya pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dikembalikan ke bahasa Melayu kerana didakwa menyebabkan pelajar luar bandar tercincir, Razali berkata, perkara itu perlu dilihat secara menyeluruh selain merlukan kajian lebih mendalam.

Katanya, Kementerian Pelajaran sudah mengambil beberapa langkah perlu bagi menangani isu terbabit termasuk menyediakan guru yang baik di kawasan luar bandar bagi meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris.



**"Pelajar kini mudah mengakses internet dan SMS, jadi kita minta ibu bapa membantu menangani masalah ini"**

Razali Ismail  
Timbalan Menteri Pelajaran